

MEMO BENDAHARI BIL. 04/2022

NO. RUJUKAN : UNISEL/PB/500/04/2022(04)
TARIKH : 10 OGOS 2022
KEPADA : SEMUA STAF UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)
DARIPADA : PEMANGKU BENDAHARI
**PERKARA : PENGHANTARAN INBOIS/GRN/DOKUMEN BERKAITAN
PEMBAYARAN KE PEJABAT BENDAHARI**

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

YBhg. Dato'/Datin/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan/Cik,

1.0 TUJUAN

- 1.1 Memo ini adalah sebagai hebahan kepada semua Staf Universiti Selangor (UNISEL) berkaitan dengan penghantaran Inbois/GRN/Dokumen permohonan pembayaran yang lengkap ke Pejabat Bendahari bagi tujuan pembayaran kepada pihak pembekal/pemeriksa luar/kontraktor dan lain-lain.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari telah menerima permohonan pembayaran bagi perbelanjaan/pembelian yang dilakukan sebelum tahun 2022. Untuk makluman, perbelanjaan/pembelian perlu direkodkan mengikut tahun perbelanjaan/pembelian tersebut dilakukan.
- 2.2 Oleh itu, memo ini adalah sebagai hebahan kepada staf Universiti Selangor (UNISEL) bagi memastikan Inbois/GRN/Dokumen permohonan berkaitan pembayaran yang lengkap dihantar untuk tindakan susulan oleh Pejabat Bendahari.

3.0 TINDAKAN STAF

- 3.1 Semua staf hendaklah mengemukakan permohonan berkaitan pembayaran setelah barang-barang diterima dan kerja-kerja/perkhidmatan selesai.

CANSELERI

Kampus Shah Alam

• Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7, 40000
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel • +603 5522 3400

Kampus Bestari Jaya

• Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari
Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

CHANCELLERY

Shah Alam Campus

• Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7, 40000
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel • +603 5522 3400

Bestari Jaya Campus

• Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari
Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Website • www.unisel.edu.my

**Peneraju Transformasi
Leader of Transformation**

Milik Penuh Kerajaan Negeri Selangor
Wholly Owned By Selangor State Government

3.2 Staf di Unit/Pejabat/Jabatan dan Fakulti perlu melengkapkan senarai dokumen yang dinyatakan di dalam senarai semak yang telah dihebahkan melalui Memo Bendahari Bil. 02/2022 sebelum menghantar permohonan pembayaran berkenaan ke Pejabat Bendahari bagi melancarkan proses pembayaran.

4.0 PELAKSANAAN

Memo ini akan **berkuatkuasa serta merta**.

Sekian, terima kasih.

"Peneraju Transformasi"

Yang menjalankan tugas,



SITI AISYAH BT OMAR C.A(M)

Pemangku Bendahari

Universiti Selangor